# DIMANA ASALNYA SILAT GAYUNG PATUT DISIASAT

Berita Minggu
15 JUL 1973

Oleh ZAINAL A.

PULAU PINANG, Sabtu. — Penyiasatan yang lanjut tentang adakah Silat Gayung Kelantan dan Silat Gayung Trengganu berasal dari Petani (selatan Negeri Thai) patutlah diadakan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Langkah ini adalah perlu memandang kepada sebahagian besar dari pusaka kesenian Melayu yang begitu kaya telah hilang ditelan zaman.

Anjuran ini telah dibuat oleh Tan Sri Datuk Haji Mubin Sheppard ketika membentangkan kertas kerjanya mengenai "Seni Silat Melayu di Pantai Timur" di Konvensyen silat yang berlangsung di Dewan Serbaguna pagi ini.

Konvensyen seni silat Melayu Malaysia masuk hari yang ke tiga hari ini. Upacara penutupnya akan berlangsung malam ini dimana Professor Shahrom Ahmat, Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan sebagai mewakili Tan Sri Prefessor Hamzah Sendut akan berucap.

## Menyebut

Tan Sri Datuk Haji Mubin, telah juga menyebut tentang beberapa keistimewaan seni silat Melayu yang terdapat di Kelantan dan Trengganu.

Beliau telah menyebut tentang keistimewaan seni silat 'gayung otar-otar' yang terdapat di Kampung Maras, lebih kurang 20 batu dari Kuala Trengganu.

Silat tersebut menurutnya sangat menarik. Geraknya sangat cantik. Beliau memberitahu di Kampung tersebut terdapat lima pasang pendekar yang boleh bermain silat tersebut dengan baik.

Pendekar - pendekar itu akan menggunakan perisai rotan lengkap di lengan kiri dan pedang kayu di tangan kanan. Kedua perisai dan pedang itu diwarnakan berbelang merah, hijau dan putih.

## Kampung

Menurut beliau lagi silat tersebut dikatakan dibawa oleh seorang anak raja Patani, Tunku Ngah Chenang kira-kira 80 tahun lalu ke kampung tersebut. Bagaimanapun kesenian itu tidak terdapat di tempat lain di Kelantan dan Trengganu.

Beliau berkata dalam silat tersebut terdapat dua belas gerak langkah yang mempunyai nama - nama tersendiri seperti berikut: Langkah Tiga, Serang, Rong Ubi, Serang Bakul, Atas Bawah, Bangun Rebah, Cabut Pedang, Main Tiga, Tombak, Badek, Keris, dan Yaung Duduk.

# Syor seni silat bangsa lain dipelajari

15 AUG 1973

TIDAK LAMA dulu, kita ada membaca di ruangan akhbar Berita Harian, tentang dua orang bangsa Melayu yang telah menunjukkan permainan silat Melayu di televisyen Jepun.

Mereka berdua adalah angguta 'Persatuan Anak Seni Angkatan Kita' (PASAK).

Semuga kejayaan mereka itu akan menjadi satu galakkan kepada ahli-ahli seni silat yang lain.

Saya ingin mengesyorkan kepada pemain-pemain silat di sini, supaya jangan sahaja menumpukan perhatian kepada 'Seni silat Melayu' tetapi juga ilmu-ilmu mempertahankan diri yang dimilik oleh kaum-kaum lain, seperti Judo dan Taek Kwan Do.

WANEDA
Jalan Kampong Baru

# Mati lepas 3 hari tunjukkan silat

martial art

SEBUAH mahkamah koroner semalam diberitahu tentang bagaimana seorang guru silat Cina 'Tai Ci' menemui ajalnya tiga hari selepas dia mengadakan satu pertunjukan keahlian silatnya.

Chua Boon Woh, 20 tahun, seorang anggota perkhidmatan negara mengadakan pertunjukan itu di depan rakan-rakannya pada 19 Julai dan beberapa jam selepas itu dia mengadu sakit kepala.

21 AUG 1973

Lance Koporal Loke Yin Phun memberitahu mahkamah bahawa dia kenal Chua selama beberapa bulan dan Chua sering menunjukkan keahliannya dalam seni silat Cina dan depan rakan-rakannya.

Pada 19 Julai, Chua telah mengadakan satu pertunjukan, dan beberapa jam kemudian bila mereka keluar untuk pergi ke pasar malam di Lorong Chuan, Chua mengadu hidungnya berdarah dan kepalanya sakit.

Bila pulang, Chua mengadu kepalanya makin sakit dan tidak lama kemudian dia menjerit kesakitan. Loke segera membawanya ke pusat perubatan khemah tentera. Dari sana dia dikejarkan ke hospital Outram.

Pendaftar Kanan Hospital Outram, Dr. S.P. Vij memberitahu mahkamah bahawa dia telah membedah Chua setelah mendapati bahawa otak Chua berada dalam keadaan yang 'sangat tegang' dan darah mengalir di dalamnya.

Koroner Negara, Encik Ibrahim Burhan menangguhkan perbicaraan hingga hari ini untuk merekodkan keterangan patolojis, Dr. Wee Keng Poh.